

# Nasib kakitangan kerajaan dibela: Najib

3-4 12/01/09 Ms 9

■ RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU** - Datuk Seri Najib Tun Razak semalam menegaskan semua pegawai dan kakitangan kerajaan di negara ini akan mendapat pembelaan sebaiknya daripada kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN).

Timbalan Perdana Menteri berkata, pertimbangan sewajarnya akan dilakukan setelah beliau menjadi Perdana Menteri menggantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui peralihan kuasa pada Mac depan.

"Kakitangan kerajaan akan mendapat pembelaan sebaik-baiknya. Saya tak mahu katakan sekarang, tapi bila tiba masanya (berlaku peralihan kuasa) saya akan lakukan...pegawai dan kakitangan kerajaan akan dapat pertimbangan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis

Perjumpaan dan Makan Tengah hari Timbalan Perdana Menteri bersama Kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Menurut Najib, beliau berazam meneruskan segala kerja baik yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya Malaysia akan terus melonjak menjadi sebuah negara kebanggaan di seluruh dunia.

Bagaimanapun katanya, semua itu hanya boleh dilakukan dan dicapai sekiranya rakyat membuat pilihan yang betul dengan memilih sebuah kerajaan benar-benar mempunyai kemampuan untuk melakukan perkara tersebut.

"Ini adalah satu daripada keperluan, maknanya kalau sesuatu berlaku jangan salahkan ibu mengandung kerana sistem demokrasi memberi ruang kepada kita memilih.



Najib (tengah) beramah mesra dengan sebahagian orang kurang upaya (OKU) yang menyertai Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang (duduk, dari kanan) Zuki Ghani, 29, Mat Adnan Abdullah, 40, dan Wan Mohd Abdan Wan Nazir ketika menghadiri Program Cakna Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nilam, semalam.

"Jadi kita ada kuasa, kita kena pilih pada tempatnya, kita pilih kerajaan yang telah teruji kemampuan mentadbir negara kita selama ini dengan

begitu baik dan amat penting sekali adalah kerjasama erat antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

"Datuk Ahmad Said

(Menteri Besar) BN, saya Timbalan Perdana Menteri (yang juga) Menteri Kewangan, (bila) menteri besar bisik kepada saya cadangan baik, saya

terima dan ambil keputusan meluluskan hasrat beliau untuk kemajuan Terengganu," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia harus berasa bersyukur dan bertuah dapat hidup di negara ini berbanding negara asing kerana kerajaan sentiasa membela dan memberi peluang yang baik kepada mereka.

Malah katanya, keadaan itu turut menyebabkan banyak impian rakyat di negara ini yang dilihat mungkin mustahil menjadi kenyataan asalkan seseorang itu rajin berusaha untuk mendapatkannya.

"Kita sepatutnya berasa sangat bertuah, setiap hari (apabila) bangun dari tidur, terutama sekali pegawai dan kakitangan kerajaan setidaknya kita ada pekerjaan dan macam orang kata, macam mana sekalipun dapur akan berasap. Tapi di negara-negara lain, ibarat kata macam telur di hujung tanduk," katanya.